

**STRATEGI PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT** : LET'S GET CRAFTY  
**FUNGSI** : KRAF DAN KREATIF  
**TAJUK** : HELMET NATO SAYA

| BIL | PERKARA                      | CATATAN   |  |
|-----|------------------------------|---|--|
| 1.  | <b>STANDARD KANDUNGAN</b>    | KE 3.3  | Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (Ekspresi Kreatif) |
| 2.  | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b> | KE 3.3.6  | Menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula.               |
| 3   | <b>STREAM</b>                | <b>S</b>  | Pemerhatian proses model helmet tentera                                  |
|     |                              | <b>T</b>  | Benang kait, mangkuk polisterin  |
|     |                              | <b>R</b>  | Sabar, kerjasama, menghargai.  |
|     |                              | <b>E</b>  | Merekabentuk model helmet tentera.                                       |
|     |                              | <b>A</b>  | Menghasilkan helmet tentera dengan menggunakan bahan kos murah.          |
|     |                              | <b>M</b>  | Konsep ruang, saiz, ukuran, bentuk dan warna                             |
| 4   | <b>OBJEKTIF</b>              | Kanak-kanak dapat menghasilkan model helmet tentera mengikut kreativiti mereka.   |  |
| 5   | <b>BBM</b>                   | Tempurung, gam, gunting, kertas bewarna hijau muda, hijau tua, hitam, putih.  |  |
| 6   | <b>NILAI MURNI</b>           | Kanak-kanak dapat memberi kerjasama dan menzahirkan sikap tolong menolong sesama mereka semasa aktiviti dijalankan.   |  |
| 7   | <b>STRATEGI</b>              | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.</li> <li>2. Kanak-kanak melihat model helmet tentera yang telah siap disediakan oleh guru.</li> </ol> |  |

3. Kanak-kanak bersoal jawab bersama guru tentang model helmet tentera saya yang ditunjukkan.

Contoh Soalan:

- i. Di mana adik-adik biasa nampak model helmet tentera ini?
  - ii. Apakah kegunaan helmet tentera?
  - iii. Apakah bentuk helmet tentera?
4. Kanak-kanak dan guru berbincang mengenai bahan-bahan yang diperlukan untuk menghasil kan model helmet tentera.
  5. Kanak-kanak mengambil bahan yang telah disediakan oleh guru untuk digunakan bagi membuat model helmet tentera saya.
  6. Kanak-kanak membuat model helmet tentera mengikut langkah-langkah berikut:
    - i. menggunting kertas berwarna hijau muda, hijau tua dan hitam mengikut bentuk yang disukai.
    - ii. menampal kertas warna yang telah siap dipotong pada mangkuk polisterin.
    - iii. membentuk lubang di tepi bahagian mangkuk polisterin kiri dan kanan untuk mengikat benang kait.
  7. Kanak-kanak akan memakai model helmet tentera yang telah mereka sediakan.
  8. Kanak-kanak menceritakan dan mempamer hasil kerja mereka.

**Nota:**

- guru boleh menyediakan bbm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian
- guru boleh menggunakan apa sahaja bahan yang berbentuk separa bulatan bagi menggantikan mangkuk polisterin.